

Sekolah, universiti diiktiraf dunia

> 17 FEBRUARI

10 buah sekolah di negara ini bakal diiktiraf antarabangsa sebagai Sekolah Dunia *International Baccalaureate (IB)* pada Januari 2016.

Sekolah terlibat terdiri Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Tapang di Sarawak, sebuah sekolah di Labuan dan lapan lagi di Semenanjung Malaysia.

> 20 MEI

FAKULTI Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) meraih lapan pingat Anugerah Kepimpinan Inovasi dalam Forum Hubungan Harta Intelek Antarabangsa Universiti Malaysia Perlis (UMP).

Dua daripada projek yang dipertandingkan iaitu di bawah subjek Rekaan Bersatu dan pembinaan sebuah mesin menggunakan kuasa hibrid berjaya meraih pingat emas, menyaingi cabaran peserta luar negara seperti Indonesia, Kemboja, Romania, Korea, Taiwan, India, Mesir, Croatia, Iraq, Filipina, Ukraine, Armenia, Kazakhstan, Moldova, Turkmenistan dan Kyrgyzstan.

> 27 MEI

KOLEJ Komuniti Tasek Gelugor melalui produk *Kurma Flakes* dan Kolej Komuniti Batu Pahat dengan inovasinya Batik in Fibreglass, juara Festival Inovasi Antarabangsa 2014 (INNOFEST 2014) bagi kategori sijil.

Bagi kategori diploma dimenangi



MENTERI Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh bersama pelajar politeknik dan pegawai yang menyertai kejohanan 19th FIRA Roboworld Cup and Congress China 2014 baru-baru ini.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui ciptaan Mesin Proses Penganjangan, UTeM dengan produk 'V Smart Mobile Power Supply',

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) 'Smart Recycle Bin' dan 'Machine Clamping' dari Politeknik Merlimau.

Sebanyak 500 projek penyelidikan daripada sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara berjaya dihasilkan pada INNOFEST 2014.

> 26 OGOS

SEKOLAH Kebangsaan (SK) Perempuan Sultan Ibrahim di Johor Bahru, Johor

yang juga sekolah berprestasi tinggi mengharumkan nama negara apabila mendapat jempunan membuat persembahan di festival kebudayaan iaitu Festival Antarabangsa Du Folklore de l'Enfant di Maghribi.

> 30 NOVEMBER

SEKOLAH Menengah Sains Kota Tinggi (Sakti) meraih pingat emas kategori menengah rendah pada Kejohanan World Robot Olympiad (WRO) di Sochi, Rusia.

Dalam kategori tersebut yang diberi nama Sputnik, peserta Sakti di bawah guru pembimbing, Mohd. Akhir Samsuri menewaskan 74 pasukan daripada 42

negara, sekali gus muncul sekolah pertama yang mewakili negara ini menyertai tiga kategori secara serentak dalam kejohanan itu.

> 6 DISEMBER

POLITEKNIK Seberang Perai (PSP) juara dunia dalam Kejohanan Bola Sepak Robot Piala Dunia ke-19 di Beijing, China (19th Roboworld Cup) anjuran Persatuan Robot Bola Sepak Antarabangsa (FIRA).

Pertandingan turut disertai Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) dan Politeknik Ungku Omar (PUO). PSP menyertai dua kategori iaitu Mirosoft dan Simorosot setelah menjaya melepasi pemilihan di Kejohanan Robot FIRA Malaysia di Politeknik Sultanah Bahiyah (PTS) Mei lalu.

> 21 DISEMBER

ENAM penyelidik dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengharumkan nama negara dalam Pameran Reka Cipta Antarabangsa Kaohsiung (KIE) 2014 di International Convention Centre Kaohsiung (ICCK) Taiwan.

Mereka memenangi empat pingat emas, tiga perak dan empat anugerah khas yang merupakan julung kali diadakan oleh *World Invention Intellectual Property Association (WIIPA)*.